



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - AHAD, 6 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	NANCY KESAL DENGAN KES ROGOL BABIT ANAK PEREMPUAN BAWAH UMUR		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/05/nancy-kesal-dengan-kes-rogol-babit-anak-perempuan-bawah-umur	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	LEBIH 10,500 WANITA DI MALAYSIA POSITIF HFV		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-10,500-wanita-di-malaysia-positif-hfv	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2441673	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/lebih-10500-wanita-malaysia-positif-hpv-menurut-kkm-KA14415395	THESUN.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/05/over-10500-women-tested-positive-for-hpv-in-past-five-years-says-health-ministry	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2441697	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737178/berita/nasional/lebih-10500-wanita-di-malaysia-positif-hpv---menteri-kesihatan#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=x4abb1BP1Lk	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	POSKOM PERKUKUH JARINGAN KEBAJIKAN AKAR UMBI		POSITIF
	https://suarasarawak.my/poskom-perkukuh-jaringan-kebajikan-akar-umbi/	SUARASARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/program-poskom-terus-rapatkan-jurang-agensi-dan-rakyat/	SUARASARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KANAK-KANAK MAUT DIDERA, SUAMI ISTERI DIREMAN TUJUH HARI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1237424/kanak-kanak-maut-didera-suami-isteri-direman-tujuh-hari	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dera-kanakkanak-2-tahun-meninggal-dunia-ibu-bapa-angkat-direman-tujuh-hari-528055?utm_source=pulse-microsite&utm_medium=berita-popular-chartbeat&utm_campaign=20250705+Pulse+Berita+Popular	ASTROAWANI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/05/suami-isteri-disyaki-dera-kanak-kanak-hingga-maut-direman-seminggu/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737141/berita/semasa/suami-isteri-direman-tujuh-hari-kes-budak-perempuan-dua-tahun-mati-disyaki-didera	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/05/suami-isteri-direman-seminggu-disyaki-dera-budak-sampai-mati	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	LELAKI PAKISTAN DIBURU NODA EMPAT BUDAK, REMAJA DI SHAH ALAM		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/05/lelaki-pakistan-diburu-noda-budak-dan-remaja-di-shah-alam/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1237543/kes-liwat-amang-seksual-kanak-kanak-polis-buru-muhammad-hassan?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/polis-buru-lelaki-pakistan-disyaki-terlibat-kes-liwat-kanak-kanak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/05/polis-buru-lelaki-pakistan-disyaki-liwat-cabul-budak	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1240475/pakistani-man-sought-over-molestation-and-sodomisation-4-boys	NST.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737179/berita/semasa/polis-buru-lelaki-pakistan-terlibat-kes-liwat-amang-seksual-kanak-kanak#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2441728	BERNAMA.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/05/polis-buru-lelaki-pakistan-disyaki-liwat-cabul-kanak-kanak	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=_HmwjobUMTk	YOUTUBE	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-buru-lelaki-pakistan-perdaya-kanakkanak-sebelum-liwat-cabul-di-sekitar-shah-alam-528096	ASTROAWANI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/05/polis-buru-lelaki-pakistan-disyaki-liwat-cabul-kanak-kanak/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1416125/polis-buru-warga-pakistan-dipercayai-terbabit-kes-liwat-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/polis-buru-lelaki-pakistan-disyaki-liwat-cabul-kanak-kanak-di-shah-alam-EA14415023	THESUN.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy kesal dengan kes rogol babit anak perempuan bawah umur

© Julai 5, 2025, Sabtu - 7:17pm



KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato Sri Nancy Shukri (gambar) telah melahirkan rasa bimbang susulan laporan mengenai seorang peniaga nasi lemak yang didakwa merogol anak perempuan bawah umur, yang merupakan anak teman wanitanya.

Beliau menegaskan kes seperti ini amat membimbangkan dan tidak boleh diterima dalam mana-mana masyarakat yang menghargai keselamatan serta maruah kanak-kanak.

“Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin menegaskan bahawa perlindungan kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama yang perlu diambil dengan serius,” katanya.

Beliau menambah, sekiranya tiada ahli keluarga yang sesuai atau berkemampuan untuk menjaga mangsa, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersedia untuk mengambil jagaan sementara bagi memastikan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak tersebut terjamin.

Selain perlindungan fizikal, Menteri turut menekankan bahawa mangsa juga berhak menerima sokongan psikososial yang sewajarnya bagi membantu proses pemulihan emosi dan mental mereka.

Beliau menggesa orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan tidak berdiam diri apabila berdepan dengan kes penderaan kanak-kanak. Sebarang maklumat berkaitan penderaan atau pengabaian boleh dilaporkan ke talian bantuan Talian Kasih 15999 atau ke pejabat JKJ terdekat.

Kementerian akan terus memperkukuh langkah pencegahan, pemulihan dan perlindungan demi menjaga kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih 10,500 wanita di Malaysia positif HFV

Nasional - Dicipta: 05 Julai 2025 07:00 PM



Lebih 10,000 wanita di Malaysia positif virus papiloma manusia (HPV) hasil inisiatif saringan kanser serviks oleh Kementerian Kesihatan, sejak lima tahun lepas - Foto / Bernama

KUALA LUMPUR, 5 Julai - Lebih 10,500 wanita di Malaysia dikenal pasti positif virus papiloma manusia (HPV) hasil inisiatif saringan kanser serviks oleh Kementerian Kesihatan (KKM), sejak lima tahun lepas.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, angka tersebut daripada Pelan Tindakan Ke Arah Penghapusan Kanser Serviks 2021-2030 dengan lebih 160,000 wanita di seluruh negara telah diperiksa.

Beliau mendedahkan, 65 peratus wanita di Malaysia tidak menjalani saringan kanser serviks sejak tiga tahun lepas dan menyifatkan angka itu sebagai membimbangkan memandangkan penyakit tersebut boleh dicegah.

"Ia berpunca daripada virus yang boleh kita kesan awal. Ia boleh dirawat apabila dikesan tepat pada masanya serta boleh dihapuskan sepenuhnya, jika kita segera bertindak. Ramai wanita tidak menyedari, teragak-agak atau ketinggalan, selalunya disebabkan ketakutan, stigma atau kekurangan akses.

"Ramai wanita berasa malu atau tidak selesa tentang ujian HPV, bukan kerana mereka tidak menghargai kesihatan mereka tetapi kerana mereka takut dihakimi atau disalahertikan," katanya dalam ucapannya semasa pelancaran Program Pemeriksaan Serviks Percuma Etika Fasa Lima bersama Yayasan ROSE di sini, hari ini.

Menurut Datuk Seri Dr Dzulkefly, kemajuan saintifik telah menjadikan pemeriksaan serviks lebih mudah, dengan pensampelan sendiri DNA HPV kini tersedia sebagai kaedah yang selamat, bersifat peribadi, tidak menyakitkan dan 90 peratus tepat yang hanya memerlukan pemeriksaan setiap lima hingga 10 tahun.

Berhubung program hari ini, beliau berkata, KKM menyokong dan memuji usaha berasaskan komuniti seperti Program Removing Obstacles to Cervical Screening (ROSE) yang memanfaatkan pembiayaan korporat menerusi perkongsian strategik dan menunjukkan bagaimana model (kesihatan) mampan berpusatkan pesakit boleh dibina untuk pembiayaan dan penjagaan kanser.

"Kini, kami mempunyai 44 hospital kerajaan yang bekerjasama dengan ROSE untuk merapatkan jurang kebolehpasaran kepada penjagaan," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Etika, yang meneruskan kerjasama dengan Yayasan ROSE dalam fasa kelima tersebut, yang dijangka memberi manfaat kepada 4,000 wanita terutamanya dalam komuniti rentan menerusi pemeriksaan serviks percuma mereka.

"Inisiatif ini bukan sahaja memperluas akses tetapi juga menyokong aspirasi KKM untuk menghapuskan kanser serviks di Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Dzulkefly menegaskan, penghapusan kanser serviks memerlukan lebih daripada usaha klinikal dan menekankan keperluan untuk tanggungjawab kolektif serta perubahan budaya.

"Perjuangan kita bukan hanya klinikal - ia juga budaya dan sosial. Kita mesti menormalkan perbualan tentang kanser serviks, mencabar rasa malu yang menyelubungi HPV dan mengesahkan bahawa tiada rasa malu dalam pencegahan, hanya kekuatan," katanya. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Collin berucap merasmikan majlis penangguhan Program POSKOM Bahagian Bintulu 2025 di Balai Raya Sebauh pada Sabtu.

POSKOM perkukuh jaringan kebajikan akar umbi

📍 Nurul Shima Shahminon 🕒 8 minit lepas 📍 SARAWAK 🕒 8 minit lepas

BINTULU: Program Outreach: Santuni Komuniti (POSKOM) anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak disifatkan sebagai platform penting dalam memperkukuh jaringan kebajikan dan perkhidmatan sosial di peringkat akar umbi, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Setiausaha Politik kepada Premier Sarawak, Collin Patan, berkata program sedemikian amat bertepatan dengan keperluan masyarakat, terutamanya di kawasan seperti Sebauh yang masih memerlukan sentuhan langsung daripada agensi kerajaan.



Collin menyampaikan cek bantuan JKM Sarawak kepada salah seorang mangsa kebakaran di Rumah Lapie Lai, Sungai Binal, Ulu Sebauh, baru-baru ini.

Menurut beliau, pendekatan turun padang yang dilaksanakan oleh JKM menerusi program POSKOM membuktikan komitmen jabatan itu dalam menyantuni komuniti dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

"Program ini membuka peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelbagai bentuk bantuan kebajikan, selain menjadi platform untuk menyuarakan keperluan atau aduan mereka secara langsung kepada pegawai yang hadir.

"Saya difahamkan program ini berlangsung selama dua hari dan saya yakin kejayaan pengaturannya tidak akan tercapai tanpa kerjasama padu daripada semua pihak yang terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Kemajuan Wilayah merangkap ADUN Kemena, Datuk Sri Dr Stephen Rundi Utom, merasmikan majlis penangguhan Program POSKOM Bahagian Bintulu 2025 di Balai Raya Sebauh pada Sabtu.

Collin turut menyeru agar program seperti POSKOM diteruskan dan diperluas ke kawasan lain bagi memastikan tiada komuniti yang terpinggir daripada menerima manfaat kebajikan dan pembangunan sosial yang disediakan oleh kerajaan.

Beliau berharap penduduk yang hadir telah memanfaatkan peluang yang disediakan sepanjang program ini berlangsung.

"Dengan maklumat yang telah diperolehi, saya percaya masyarakat dapat lebih memahami peranan agensi kerajaan serta menyertai usaha memperkukuh kesejahteraan komuniti secara bersama," ujarnya.

POSKOM 2025 Bahagian Bintulu merupakan sebahagian daripada siri jelajah JKM Sarawak ke pelbagai bahagian di negeri ini, selaras dengan matlamat kerajaan negeri untuk memastikan pembangunan sosial yang adil dan inklusif bagi seluruh rakyat Sarawak.

Pada program tersebut, Collin turut menyampaikan cek bantuan JKM Sarawak kepada mangsa kebakaran dari Rumah Lapie Lai, Sungai Binal, Ulu Sebauh, baru-baru ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak maut didera, suami isteri direman tujuh hari

Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my



Sungai Buloh: Pasangan suami isteri direman tujuh hari bagi siasatan kes kematian kanak-kanak perempuan berusia dua tahun yang disyaki didera.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Mohd Hafiz Muhammad Nor berkata, perintah reman pasangan terbabit bermula hari ini sehingga 11 Julai ini.

"Polis masih menyasiat motif kejadian itu. Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

"Orang ramai diminta untuk tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan," katanya ketika dihubungi pemberita hari ini.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, kanak-kanak perempuan berusia dua tahun meninggal dunia dengan kesan lebam, bengkak dan luka di seluruh badan dipercayai didera di Paya Jaras, di sini.

Kanak-kanak berkenaan dibawa ke Hospital Sungai Buloh oleh suami isteri berusia 27 dan 28 tahun dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Mohd Hafiz dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kematian kanak-kanak berkenaan dari pegawai perubatan hospital terbabit pada jam 12.45 tengah malam.

Pemeriksaan mendapati terdapat lebam, bengkak dan luka di seluruh badan selain kesan tompokan darah yang sudah kering di bahagian mulut dan hidung kanak-kanak berkenaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki Pakistan diburu noda empat budak, remaja di Shah Alam

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED 5 Julai 2025, 7:03 pm

ORANG YANG DIKEHENDAKI



Muhammad Hassan yang diburu polis.

SHAH ALAM – Polis sedang memburu lelaki warga Pakistan disyaki mencabul dan liwat kanak-kanak serta remaja di sekitar Seksyen 27 dan Seksyen 28, di sini.

Suspek berusia 25 tahun itu dikenali sebagai Muhammad Hassan dengan beralamat terakhir di Flat Taman Negara, Seksyen 27.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd. Iqbal Ibrahim berkata, pihaknya menerima empat laporan polis mengenai kejadian itu bermula April lalu sehingga kini.

“Semua mangsa adalah kanak-kanak dan remaja lelaki berusia sembilan, 13, 14 dan 19 tahun. Kejadian itu dipercayai dilakukan suspek sama berdasarkan modus operandi meminta pertolongan mangsa dan membawa ke kawasan sunyi.

“Mangsa kemudian dikatakan diliwat atau dicabul suspek yang tiada pekerjaan tetap itu,” katanya, petang ini.

Terdahulu, tular hantaran di media sosial memaparkan kebimbangan penduduk mengenai tindakan kumpulan warga Pakistan meminta pertolongan daripada kanak-kanak dan remaja lelaki yang berusia 18 tahun ke bawah. – KOSMO! ONLINE